UUM NEWS HIGHLIGHTS

STRAITS TIMES | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro

Date: 6/8/26 Page: 3

UUM/AA87/BH/06.08.2026/P:3(1-5)

Atasi kelemahan keselamatan lapangan terbang

Kes pembantu juruterbang bawa dadah ditahan di Indonesia bukti prosedur pemeriksaan lemah

Oleh Safeek Affendy Razali dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak berkaitan lapangan terbang di negara ini perlu segera mengatasi kelemahan kawalan keselamatan berikutan kes seorang pembantu juruterbang yang ditahan di Indonesia kerana membawa 26 kilogram dadah.

Dekan Pengajian Siswazah Kerajaan Ghazali Shafie, Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Dr Rusdi Omar, berkata isu berkenaan disifatkan sebagai petunjuk kelemahan tadbir urus keselamatan sempadan negara yang perlu ditangani segera

Katanya, insiden itu bukan sekadar membabitkan kegagalan teknologi pengimbas, malah mendedahkan kekeliruan mengenai pembahagian tanggungjawab antara agensi yang mengendalikan keselamatan di pintu keluar negara.

Beliau berkata, persoalan utama ialah bagaimana bahan larangan boleh terlepas daripada dikesan walaupun bagasi berkenaan melalui mesin pengimbas moden yang dilengkapi teknologi kecerdasan buatan (AI).

"Ini menimbulkan persoalan sama ada kelemahannya berpunca daripada teknologi pengimbas, prosedur pemeriksaan sekunder yang terlalu bergantung kepada sistem pencetus risiko automatik atau faktor manusia, termasuk tanggapan bahawa kru penerbangan mempunyai risiko lebih rendah berbanding penumpang biasa.

"Siapakah sebenarnya yang bertanggungjawab terhadap proses saringan itu apabila insiden berlaku," katanya kepada *BH*.

Beliau berkata kekeliruan timbul apabila dinyatakan kawalan saringan dikendalikan pihak Keselamatan Lapangan Terbang (AVSEC) dan bukan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS).



Rusdi Omar.

"Dari sudut operasi, AVSEC wajar menjelaskan prosedur serta piawaian saringan yang digunakan.

"Bagaimanapun, dari segi struktur, timbul *grey area* apabila AVSEC mengendalikan saringan fizikal, manakala tanggungjawab penguatkuasaan sempadan terletak di bawah AKPS.

"Persoalannya, adakah kedua-dua pihak mempunyai protokol perkongsian maklumat dan pengawasan bersama yang jelas atau masih beroperasi secara silo.

Justeru, katanya, keseimbangan antara kawalan keselamatan bagi penerbangan masuk dan keluar perlu dikaji semula, bukan sekadar memenuhi piawaian minimum Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO), tetapi turut mengambil kira risiko terhadap reputasi negara.

Beliau turut mencadangkan rakaman kamera litar tertutup (CCTV) pemeriksaan didedahkan secara telus bagi mengembalikan keyakinan orang ramai terhadap sistem keselamatan negara.

Gesa siasatan menyeluruh

Setiausaha Agung Pertubuhan Kemanusiaan Antarabangsa Malaysia (MHO), Datuk Hishamuddin Hashim, berkata siasatan menyeluruh perlu bagi meneliti semua aspek keselamatan di lapangan terbang khususnya KLIA bagi mengelak dieksploitasi penjenayah.

Beliau berkata, siasatan perlu menjawab beberapa persoalan penting, sama ada insiden penyeludupan dadah rentas sempadan berpunca akibat kekangan teknologi atau terdapat kelemahan dalam prosedur operasi standard.

"Penjelasan juga perlu diberikan sama ada isu ini berpunca daripada had keupayaan teknologi, kelemahan prosedur operasi, kecuaian pelaksanaan atau faktor integriti.

"Adakah berlaku kecuaian dalam prosedur pemeriksaan, wujud unsur salah laku atau isu integriti yang perlu disiasat? Jika terdapat kelemahan, tindakan pembetulan perlu dibuat tanpa kompromi," katanya dalam kenyataan semalam.

Pakar Kriminologi dan Pensyarah Kanan, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial UUM, Dr Zalmizy Hussin pula berkata intipati utama dalam kes pembantu juruterbang Malaysia menyeludup dadah ke Indonesia, bukan hanya faktor mesin pengimbas, namun disebabkan isu manusia, sistem dan sikap.

"Sindiket dadah kini telah menjadikan pihak golongan profesional atau 'keldai berwibawa' sebagai penyeludup untuk membawa dadah keluar dari negara.

"Siapa akan menyangka, golongan profesional yang sangat meyakinkan seperti juruterbang atau kru penerbangan akan membawa bekalan dadah namun itulah yang terjadi pada hari ini yang mungkin disebabkan dorongan imbuhan lumayan," katanya.

Zalmizy berkata, kenyataan bahawa AKPS bukanlah agensi yang mengawal selia mesin pengimbas menunjukkan adanya kebarangkalian wujud unsur salah laku atau masalah berkaitan integriti.

Beliau berkata, pemeriksaan keluar dan masuk wajar seimbang.

Zalmizy mencadangkan Kementerian Pengangkutan, melaksanakan tiga tindakan dalam tempoh 30 hari sebagai penambahbaikan dalam kes yang berlaku.

"Pertama, audit semua anak kapal dan kakitangan darat yang mempunyai akses di *restricted area* (kawasan larangan) termasuk melakukan ujian dadah dan semakan rekod perbankan; kedua mewajibkan pemeriksaan 100 peratus untuk semua bagasi anak kapal keluar negara, sama seperti penumpang tanpa ada keistimewaan.

"Ketiga, menubuhkan Pasukan Petugas Khas KLIA yang menggabungkan AKPS, Pasukan Keselamatan Penerbangan (AVSEC), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Malaysia Airlines. Adakan mesyuarat mingguan dan melaporkan terus kepada menteri," katanya.

